


Cerita hari ini mengenai kehebatan jambatan di Honduras yang sangat kuat. Walaupun empat hari di landa taufan dan hujan tetapi tetap berdiri teguh.



## NEGARA HONDURAS

Honduras adalah sebuah negara yang selalu terdedah kepada bahaya ribut taufan. Pada tahun 1996, negara Honduras melantik firma kejuruteraan dari Jepun untuk membina sebuah jambatan di sungai Choluteca.

## JAMBATAN CHOLUTECA

Oleh itu, jambatan yang hendak dibina untuk menyeberangi sungai Choluteca ini haruslah sangat kukuh dan kuat. Material yang terbaik dan teknologi paling canggih zaman itu digunakan. Ianya siap dibina sepenuhnya pada tahun 1998. Semua orang kagum dengan jambatan itu. Ia menjadi satu mercu tanda kebanggaan orang-orang di Choluteca.



## RIBUT TAUFAN MITCH

Namun pada tahun yang sama pada bulan Oktober, monumen kebanggaan rakyat itu berhadapan dengan ujian yang sebenar. Ribut taufan Mitch melanda. Empat bulan hujan lebat turun tanpa henti. Air sungai melimpah dan berlaku banjir besar. Lebih kurang 7000 orang hilang nyawa.

## JAMBATAN KEKAL UTUH

Persoalaannya, adakah "investment" untuk membina sebuah jambatan yang sangat kukuh, kuat dan moden itu berbaloi? Ya, ia sangat berbaloi sebab segala usaha dilakukan mendatangkan hasil. Ianya kekal utuh tanpa sebarang kerosakan. Tetapi tidak lagi digunakan selepas peristiwa Taufan Mitch itu.




## APA YANG TERJADI SEBENARNYA?

Pertama, dua buah jalan yang menghubungkan jambatan itu telah rosak dan hancur sama sekali.

Kedua, yang paling dasyat, sungai Choluteca telah beralih arah alirannya. Ia mengalir di sebelah jambatan tersebut, bukan lagi dibawah jambatan itu. Bila tujuan utama jambatan itu dibina telah tiada, apa guna jambatan tersebut walaupun ia kekal kuat?

## MENYESUAIKAN DIRI DENGAN PERUBAHAN

Kegagalan kita untuk menyesuaikan diri dengan perubahan dalam karier kita, bisnes kita dan hidup akan menyebabkan kewujudan kita walaupun hebat, canggih dan bertapak kukuh sebelum ini tidak akan berguna. Ini berlaku jika kita gagal membaca perubahan.



## LEAD THE TREND


Zaman kini siapa yang lead the trend akan berjaya. Kalau tidak berjaya lead the trend tetapi pandai membaca perubahan trend dan adapt, juga akan berjaya.



## KEJAYAAN FACEBOOK KEGAGALAN BLACKBERRY

Kejayaan FB kerana sentiasa relevan di mata pengguna. Sentiasa upgrade algorithm dan sistem. Manakala kegagalan BlackBerry kerana gagal membaca trend dan enggan menerima perubahan.

## PENGAJARAN



Kita perlu sentiasa menyesuaikan diri dengan perubahan



Jangan jadi umat Islam yang tidak relevant



Umat Islam jangan pernah hilang tujuan

وَقَالَ الرَّسُولُ يَا رَبِّ إِنَّ قَوْمِي اتَّخَذُوا هَذَا الْقُرْآنَ مَهْجُورًا

"Dan berkatalah Rasul: "Wahai Tuhanku sesungguhnya kaumku telah menjadikan Al-Quran ini, tidak dipakai."

[Al-Furqan(25):30]